

## **Eksekutif Goldman Sachs dikaitkan 1MDB tinggalkan firma Malaysian Insider Feb 24, 2016**

Tim Leissner, eksekutif Goldman Sachs Group Inc yang membantu membina perniagaan bank pelaburan itu di Malaysia, meletak jawatan awal bulan ini.

Ianya disahkan jurucakap Goldman Sachs Edward Naylor, yang berkata firma itu memindahkan pekerja Leissner ke Amerika Syarikat (AS) pada akhir tahun lepas. Naylor enggan mengulas lanjut.

Leissner, yang sudah berkhidmat dengan Goldman Sachs selama hampir 18 tahun dan merupakan pengerusi terbaharu bagi operasi Asia Tenggara, berpindah ke Los Angeles atas cuti peribadi, kata sumber, bulan lepas.

Leissner (gambar kanan), seorang warganegara Jerman yang berkahwin dengan bekas model fesyen AS dan pereka Kimora Lee Simmons, memainkan peranan penting dalam membina perniagaan Goldman Sachs di Malaysia.

Urusan bank itu dengan syarikat pelaburan milik negara, 1Malaysia Development Bhd (1MDB), menarik perhatian awam kerana yuran yang tinggi dibayar kepada Goldman Sachs. - Bloomberg, 24, Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/eksekutif-goldman-sachs-dikaitkan-1mdb-tinggalkan-firma>